



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).
2. <u>Promosi:</u>	PERADUAN MAGGI PEDAS GILER LEJEN RASANYA REMIX.
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 19/08/2022 dan ditutup jam 23:59:59 pada 30/09/2022.
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini terbuka kepada semua penduduk individu Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan tempat tinggal yang beralamat di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <u>Kaedah Penyertaan:</u>	<p>a. Peserta boleh menghantar penyertaan mereka melalui Instagram atau Facebook peribadi mereka sahaja ["Penyertaan"].</p> <p>b. Untuk menghantar Penyertaan mereka, Peserta dikehendaki:</p> <p>Langkah 1: Cipta resipi ["Resipi"] MAGGI PEDAS GILER LEJEN RASANYA REMIX anda dengan menggunakan produk MAGGI PEDAS GILER dan bahan-bahan lain. <u>Sebagai contoh:</u> MAGGI PEDAS GILER dengan keju cair atau; dengan yogurt atau; dengan mentega kacang dan sebagainya.</p> <p>Langkah 2: Ambil video hidangan yang anda cipta berdasarkan Resipi anda ["Hidangan"]. Tempoh maksima video ialah 1 minit sahaja. Anda boleh mengedit video untuk memasukkan proses penyediaan, memasak dan hidangan. Video anda MESTI disertakan resipi sama ada diceritakan atau disenaraikan. Sebagai contoh, Peserta perlu sama ada bercakap mengenai resipi pada kamera ATAU memasukkan audio resipi (voice over) ATAU memasukkan imej dalam video yang menunjukkan Resipi dalam format teks. Video yang memaparkan Peserta dan gambar pek jelas produk MAGGI PEDAS GILER akan diberikan mata tambahan ["Video"].</p> <p>Langkah 3: Muat naik Video pada 'FEED' akaun Instagram atau Facebook peribadi anda dan hantar.</p>

	<p>Langkah 4: Sertakan tanda pagar #LejenRasanyaRemix dan #MAGGIPedasGiler.</p> <p>Langkah 5: Pastikan anda tag @maggi.malaysia di Instagram atau @MaggiMalaysia di Facebook.</p> <p>Langkah 6: Tetapkan akaun Instagram atau Facebook anda kepada mod 'UMUM' dari masa video dimuat naik / disiarkan sehingga selepas Pemenang Promosi diumumkan.</p> <p>c. Semua Penyertaan yang dimuat naik oleh Peserta mesti melalui akaun Instagram atau Facebook peribadi Peserta. Penghantaran melalui akaun Instagram atau Facebook bukan peribadi tidak dibenarkan dan akan ditolak oleh Penganjur.</p> <p>d. Penganjur akan memantau dan menjejaki Penyertaan yang dihantar mengikut pautan pengeposan Penyertaan yang diberikan oleh Peserta dalam PM.</p> <p>e. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu [1] Penyertaan sepanjang Tempoh Promosi. Setiap penyertaan mesti diikuti oleh PM untuk memberikan butiran peribadi Peserta & pautan pengeposan Penyertaan.</p> <p>f. Penganjur berhak untuk membatalkan Penyertaan secara automatik yang <u>tidak</u> mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat.</p> <p>e. Penganjur mempunyai budi bicara mutlak untuk mengeluarkan, memadam dan membatalkan mana-mana Penyertaan yang tidak wajar/tidak sesuai yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada penyertaan yang mengandungi sebarang bentuk kata-kata tidak senonoh atau kandungan yang menimbulkan sensitiviti, atau mengandungi produk yang tidak dihasilkan atau diedarkan oleh Penganjur .</p> <p>f. Penganjur mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan dan menerbitkan Video yang dihantar oleh Peserta dalam Cabaran untuk tujuan penerbitan, tanpa notis lebih lanjut kepada Peserta. Sila rujuk Klausula 7 dan 8 pada Syarat Penyertaan.</p>
<p>6. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></p>	<p>a. Semua Penyertaan mesti dihantar pada atau sebelum 23:59:59, 30/09/2022.</p> <p>b. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p>7. <u>Hadiah Mingguan:</u></p>	<p>a. Terdapat tiga [3] Hadiah Mingguan dalam bentuk RM50 PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet setiap satu untuk dimenangi setiap minggu selama</p>

	<p>enam [6] minggu berturut-turut. Secara keseluruhan, terdapat lapan belas [18] Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Enam [6] tempoh mingguan adalah seperti di bawah: Minggu 1: 19/08/2022 – 25/08/2022 Minggu 2: 26/08/2022 – 01/09/2022 Minggu 3: 02/09/2022 – 08/09/2022 Minggu 4: 09/09/2022 – 15/09/2022 Minggu 5: 16/09/2022 – 22/09/2022 Minggu 6: 23/09/2022 – 30/09/2022</p>
<p>8. <u>Kriteria Pengadilan dan Pemilihan Penyenaaraan Pendek:</u></p>	<p>a. Penganjur akan menilai semua Penyertaan yang diterima sepanjang setiap minggu semasa Tempoh Promosi berdasarkan kriteria berikut:</p> <p>Kriteria 1 [20%]: Resipi dan Hidangan mesti disediakan menggunakan Mi MAGGI PEDAS GILER. Video anda mesti disertakan Resipi sama ada diceritakan atau disenaraikan, di mana Peserta perlu sama ada bercakap mengenai resipi pada kamera ATAU memasukkan audio resipi (voice over) ATAU memasukkan imej dalam video yang menunjukkan Resipi dalam format teks. Tempoh Video mestilah tidak melebihi 1 minit.</p> <p>i. Pematuhan [20%].</p> <p>Kriteria 2 [30%]: Penjelasan tentang bahan-bahan yang dipilih sebagai ‘campuran’ untuk resipi. <u>Sebagai contoh:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menambah susu untuk mengurangkan kepedasan hidangan. • Menambah jus limau nipis untuk menambah keasidan dan mengurangkan rasa jelak hidangan. • Menambah keju atau mentega kacang untuk mengikut trend semasa. <ul style="list-style-type: none"> i. Baik [30%]. ii. Sederhana [20%]. iii. Rendah [15%]. <p>Kriteria 3 [30%]: Persembahan Hidangan Kreatif</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Baik [30%]. ii. Sederhana [20%]. iii. Rendah [15%]. <p>Kriteria 4 [10%] Penampilan Jenama dalam video:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memaparkan Produk MAGGI [10%]. ii. Tanpa paparan Produk MAGGI [0%]. <p>Kriteria 5 [10%]: Keaslian:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peserta dipaparkan dalam video [10%]. ii. Peserta tidak dipaparkan dalam video [0%].

	<p>b. Penganjur akan menilai dan memilih tiga [3] Penyerta teratas dengan nama Peserta yang unik dengan markah tertinggi untuk memenangi Hadiah Mingguan bagi setiap minggu ["Pemenang"]. Setiap Peserta hanya boleh memenangi satu [1] Hadiah Mingguan sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>9. <u>Hadiah Utama:</u></p>	<p>a. Terdapat tiga [3] Hadiah Utama dalam bentuk <i>Headphone</i> BOSE QuietComfort 45 bernilai RM1,649 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Penganjur akan menilai dan memilih tiga [3] Penyerta teratas dengan dengan markah tertinggi di sepanjang Tempoh Promosi sebagai pemenang Hadiah Utama.</p> <p>c. Setiap Peserta hanya boleh memenangi satu [1] Hadiah Utama sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>10. Tuntutan Hadiah & Tarikh Pemenuhan</p>	<p>a. Penganjur akan mengumumkan Pemenang melalui laman @maggi.malaysia di Instagram atau @MaggiMalaysia di Facebook dalam masa tujuh (7) hari selepas tamat Tempoh Promosi.</p> <p>b. Pemenang mesti menghantar 'PRIVATE MESSAGE' ["PM"] ke profil Instagram atau Facebook MAGGI termasuk tanda pagar @maggi.malaysia di Instagram atau @MaggiMalaysia di Facebook untuk memberikan butiran diri dan cara berhubung kepada Penganjur untuk pengenalan diri dan pemenuhan hadiah.</p> <p>c. Semua "PM" dari Pemenang mesti dihantar ke Laman ke profil Instagram atau Facebook MAGGI termasuk tanda pagar @maggi.malaysia di Instagram atau @MaggiMalaysia di Facebook dalam masa empat (4) hari dari tarikh Penganjur mengumumkan Pemenang berkaitan ("Tetingkap Respon"). <u>Sebagai contoh:</u> Pengumuman Pemenang: 23/10/2022. Tetingkap Respon: selewat-lewatnya pada 23:59:59, 27/10/2022.</p> <p>d. Kegagalan untuk respon dalam jangka masa Tetingkap Respon akan mengakibatkan pembatalan secara automatik.</p> <p>e. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas apa jua kegagalan oleh Pemenang untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menerima pengumuman Penganjur mengenai Pemenang yang disenarai pendek; dan/atau ii. Menghantar "PM" yang diperlukan kepada Penganjur dalam jangka masa Tetingkap Respon.
<p>11. <u>Terma Tambahan:</u></p>	<p>a. Semua Hadiah Mingguan akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari 30/09/2022. Penganjur tidak akan bertanggungjawab</p>

	<p>sekiranya hadiah yang dihantar tidak diterima atau ditangguhkan penghantarannya.</p> <p>b. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan oleh sebab-sebab di luar kawalan Penganjur. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditentukan oleh Penganjur untuk mengambil hadiah akan dibatalkan.</p> <p>c. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai sekiranya hadiah asal tidak tersedia.</p> <p>d. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>e. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku ke atas hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti kos perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang termasuk untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung oleh pemenang atas kos mereka sendiri.</p>
--	--

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan yang boleh didapati di: <https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/maggi-pedas-giler/>, kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B. Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Kempen ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang

ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.

- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlakanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Kempen, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Kempen akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

2. Penyertaan Kempen

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Kempen ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Kempen, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Kempen hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Kempen dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis

daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Tidak layak

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Kempen:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Kempen dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- (b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Kempen dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.

6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. **Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Kempen (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Kempen mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. **Hak Milik Intelektual**

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Kempen dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Kempen, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Kempen atau pelanggaran Terma dan Syarat,

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Kempen adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Kempen, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Kempen dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Kempen) berhubung dengan Kempen, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Kempen ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Kempen yang selainnya.

- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Kempen disediakan dalam bahasa Bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Kempen, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di www.nestle.com.my/info/privacy_notice_bm.
- 12.2 By participating in the Campaign, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in www.nestle.com.my/info/privacy_notice.